

Program Syarahan Profesor Adjung: "How to Excel in the Competitive Professional World"
Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 03 Oktober 2012 8:37

Kepada: UUM - All Staff




Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

Universiti Utara Malaysia

03 OKTOBER 2012/ 17 ZULKAEDAH 1433H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM SYARAHAN PROFESOR ADJUNG: "HOW TO EXCEL IN THE COMPETITIVE PROFESSIONAL WORLD"



NCRC ONLINE: Majlis Syarahan Profesor Adjung Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah berlangsung dengan jayanya pada 26 September 2012 yang lalu di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia yang telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Y.Bhg.Dato' Redza Rafiq Abdul Razak. Beliau telah memberi syarahan yang bertajuk **"How To Excel In The Competitive Professional World"** yang telah mendapat sambutan lebih 150 orang pelajar. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengarah NCRC, Profesor-profesor dan Ketua-Ketua Kluster NCRC serta Kakitangan UUM.

Majlis tersebut berlangsung selama hampir dua jam dan telah menyentuh beberapa aspek berkaitan cabaran yang akan dilalui oleh para pelajar dalam bidang kerjaya. Di samping itu, Y.Bhg. Dato' turut menceritakan serba sedikit mengenai pengalaman di sepanjang keterlibatan beliau di dalam dunia profesional. Pelbagai soalan telah diajukan kepada Y.Bhg. Dato', di antaranya ialah tentang apakah peranan badan korporat seperti NCIA dalam membantu pelajar untuk berada dalam dunia profesional. Y.Bhg.Dato' amat tertarik dengan soalan-soalan yang diajukan dan menyatakan bahawa NCIA sememangnya menyediakan insentif kepada para pelajar untuk memantapkan diri dalam bidang kerjaya ataupun di dunia profesional melalui program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh NCIA.

Seluruh warga kerja Northern Corridor Research Centre (NCRC) khususnya Pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Rohana Yusof mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi melapangkan masa untuk menghadiri majlis Syarahan Profesor Adjung NCRC tersebut. Pihak NCRC amat berbesar hati di atas sokongan semua yang terlibat dalam menjayakan program syarahan tersebut dan beriltizam untuk meneruskan usaha-usaha sebegini pada masa-masa hadapan, demi memberi manfaat kepada sekalian warga kampus.

Tamat.